

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

Hidup Damai dengan Perlindungan Perubatan Komprehensif dan Moden



Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Prudential BSN Takaful Berhad
200601020898 (740651-H)

Ahli PIDM

KECAPI KEDAMAIAN DALAM HIDUP ANDA

Kehidupan boleh membawa kita ke jalan yang tidak diduga dan didatangi perkara buruk yang tidak diingini. Apabila masanya tiba, kita mungkin tidak bersedia. Walaupun secara umumnya kadar jangka hayat telah meningkat, masih terdapat beberapa penyebab utama kematian awal di negara ini seperti kanser, penyakit buah pinggang, penyakit jantung serta diabetes di antara penyakit kronik yang lain.

Peningkatan bilangan rakyat Malaysia yang menghidap penyakit tidak berjangkit (NCD) adalah di tahap membimbangkan. Kos penjagaan kesihatan juga meningkat akibat peningkatan jumlah pesakit yang menghidap penyakit kronik dan / atau penyakit berulang yang memerlukan rawatan.



Bukan itu sahaja, isu kesihatan mental pun sudah mula menjadi kebiasaan di Malaysia.



Berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2019, hampir setengah juta rakyat Malaysia mengalami simptom kemurungan sebelum pandemik melanda.

Perlindungan perubatan merupakan inisiatif terbaik untuk mengelakkan anda daripada membayar sendiri keseluruhan kos rawatan anda. Ianya kerana tiada siapa yang tahu bila masanya kita akan jatuh sakit. Mempunyai plan perubatan yang komprehensif akan memberi anda ketenangan fikiran kerana anda tahu anda dilindungi dari segi kewangan jika anda jatuh sakit. Ia sentiasa lebih baik untuk selamat daripada menyesal.

PruBSN Damai ada untuk memberi ketenangan minda dan melindungi anda daripada ketidakpastian dan simpanan yang tidak mencukupi untuk penjagaan kesihatan. Di PruBSN, kami sentiasa menggalakkan pelanggan kami untuk mendapatkan perlindungan semasa mereka masih muda dan sihat.

PruBSN Damai

Ucapkan 'selamat tinggal' kepada kegusaran yang bakal terjadi dalam hidup dan katakan 'hai' kepada ketenangan fikiran dengan **PruBSN Damai**. **PruBSN Damai** adalah pakej penyelesaian perubatan komprehensif yang memodenkan perlindungan anda berdasarkan **PruBSN AnugerahMax** sebagai pelan asas dengan rider **Medic TotalCare** dan perlindungan tambahan lain yang disyorkan.

Penyelesaian ini untuk membantu anda mengatasi kebimbangan anda tentang penjagaan kesihatan termasuk menampung kos kemasukan ke hospital jika anda memerlukan rawatan perubatan. Ia juga menyediakan penggantian pendapatan apabila anda didiagnos penyakit kritikal dan bertujuan untuk memudahkan proses pemulihan anda.

PruBSN AnugerahMax adalah pelan takaful sumbangan berkala yang membayar jumlah sekaligus* apabila berlaku kematian atau Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD). Selain itu, **PruBSN AnugerahMax** juga sangat fleksibel dan boleh diubah suai. Ia didatangkan dengan pelbagai pilihan tempoh perlindungan dan manfaat tambahan untuk memenuhi keperluan serta kemampuan anda.

Berikut adalah gambaran keseluruhan pakej penyelesaian **PruBSN Damai** yang disyorkan:



*Nota: Sekiranya berlaku kematian orang yang dilindungi, PruBSN AnugerahMax membayar yang mana lebih tinggi, Jumlah Perlindungan Asas atau amaun dalam Akaun Khas Individu (ISA) ditambah nilai unit di dalam Akaun Unit Pelaburan (IUA), jika ada. Sekiranya berlaku TPD sebelum berumur 70 tahun pada hari jadi akan datang, Jumlah Berisiko (perbezaan antara Jumlah Perlindungan Asas dan jumlah ISA) akan dibayar.



Medic TotalCare

Matlamat PruBSN adalah untuk menyediakan pelan perubatan kontemporari dan boleh diubah suai sebagai pilihan terbaik untuk setiap individu dan keluarga. Anda pasti akan menemui penjagaan yang anda perlukan dengan **Medic TotalCare**.

Medic TotalCare adalah pelan perubatan komprehensif dan moden yang menyediakan perlindungan bagi kemasukan ke hospital dan rawatan perubatan yang meluas untuk menjaga keperluan kesihatan anda termasuk perlindungan kanser yang meluas, rawatan perubatan teknologi maju dan penjagaan kesihatan mental. Di samping itu, **Medic TotalCare** juga menyediakan pelbagai manfaat rawatan pesakit luar seperti pembedahan harian, rawatan kanser pesakit luar atau rawatan dialisis buah pinggang, rawatan komplementari selepas keluar hospital dan rawatan pesakit luar bagi denggi dan penyakit berjangkit untuk memberikan anda keflexibelan dalam mendapatkan rawatan perubatan yang diperlukan.

SEKILAS MANFAAT:

| | |
|---|---|
|  | <h4>Fleksibiliti dengan Pelbagai Pilihan</h4> <p>Pelbagai pilihan untuk dipilih, seperti jenis bilik dan penginapan, pilihan bayaran bersama serta pilihan sumbangan, untuk memenuhi keperluan dan kemampuan perlindungan setiap individu.</p> |
|  | <h4>Perlindungan Kanser yang Meluas & Rawatan Perubatan Teknologi Maju</h4> <p>Menyediakan perlindungan kanser yang meluas bagi pesakit kanser untuk merawat penyakit kritikal dengan had tahunan tambahan, had seumur hidup yang tinggi untuk rawatan kanser pesakit luar termasuk rawatan susulan remisi kanser, dan elaun rawatan tunai harian apabila menjalani kemoterapi / radioterapi.</p> <p>Pelan ini juga menyediakan had tambahan di atas had tahunan anda untuk menampung kos bagi rawatan perubatan teknologi maju yang dilindungi supaya anda boleh mendapatkan rawatan terbaik dalam proses pemulihan.</p> |
|  | <h4>Penjagaan Kesihatan Mental</h4> <p>Melindungi 8 keadaan gangguan mental utama untuk rawatan psikiatri pesakit dalam dan pesakit luar.</p> |
|  | <h4>Penjagaan Pencegahan dengan Vaksinasi</h4> <p>Mencegah daripada penyakit yang tidak diingini dengan mendapatkan vaksinasi penting dan anda boleh dapatkan bayaran balik kos tersebut di bawah pelan ini.</p> |



Perlindungan Pesakit Luar yang Lebih Luas

Melindungi pelbagai rawatan dan penjagaan pesakit luar termasuk rawatan perubatan komplementari selepas keluar hospital serta rawatan pesakit luar bagi denggi dan penyakit berjangkit yang dilindungi.



Tingkatkan Perlindungan Perubatan dengan Medic BoostCare*

Bebaskan kerisauan dengan tambahan had tahunan sebanyak RM 1,000,000 untuk menangani inflasi perubatan serta perlindungan lanjutan lain untuk rawatan perubatan tambahan apabila anda memerlukannya.

**Hanya tersedia untuk Medic TotalCare pilihan sumbangan rata.*



Dapatkan Ganjaran apabila Anda Kekal Sihat**

Nikmati Ganjaran Kesihatan Tanpa Tuntutan** sebanyak RM 500 apabila anda kekal tidak membuat sebarang tuntutan selama setahun untuk item penjagaan pencegahan yang dilindungi dengan Medic BoostCare.

***Hanya terpakai untuk Pelan 300 dan Pelan 400.*



PERINCIAN PERLINDUNGAN ISTIMEWA MEDIC TOTALCARE

1. Perlindungan Kanser yang Meluas & Had Tambahan Rawatan Perubatan Teknologi Maju

Kanser dan penyakit kronik lain memerlukan rawatan dan penjagaan perubatan yang menyeluruh untuk pemulihan optimum. Bagi menyokong proses pemulihan anda, kami menyediakan:

| | |
|---|---|
| a | Had Tahunan Tambahan untuk Kanser, Serangan Jantung atau Kegagalan Buah Pinggang. |
| b | Rawatan Kanser Pesakit Luar untuk menampung kos rawatan pesakit luar kemoterapi atau radioterapi sepanjang proses pemulihan. |
| c | Penjagaan Susulan Remisi Kanser untuk memantau kanser berulang secepat mungkin. |
| d | Elaun Tunai Harian apabila anda mendapatkan rawatan susulan untuk kemoterapi, radioterapi, dialisis buah pinggang atau susulan selepas serangan jantung. |
| e | Had tambahan untuk anda mendapatkan akses kepada pelbagai Rawatan Perubatan Teknologi Maju. |

2. Rawatan Penjagaan Mental

Kesihatan mental bukan lagi sesuatu yang janggal untuk diperkatakan. Adalah penting untuk mengenali sebarang perubahan emosi yang melampau atau kelakuan yang tidak stabil dan dapatkan rawatan yang diperlukan. **Medic TotalCare** menyediakan perlindungan rawatan hospital dan psikiatri pesakit luar untuk keadaan mental yang dilindungi seperti di bawah:



3. TINGKATKAN PERLINDUNGAN ANDA DENGAN MEDIC BOOSTCARE

Tingkatkan perlindungan perubatan anda dengan **Medic Boostcare** untuk mengatasi inflasi perubatan. **Medic BoostCare** ialah manfaat pilihan yang memaksimumkan perlindungan perubatan dengan perlindungan lanjutan seperti berikut:

a

Tambahan Had Tahunan sebanyak RM1,000,000 setiap tahun.

b

Gandakan had seumur hidup untuk Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar, Rawatan Kanser Pesakit Luar dan Had Tambahan Rawatan Perubatan Teknologi Maju.

c

Tiada had bilangan hari untuk Bilik dan Penginapan Hospital Harian dan Unit Rawatan Rapi / Unit Penjagaan Jantung.

d

Lanjutan tempoh perlindungan untuk rawatan selepas keluar hospital untuk Keadaan-keadaan Serius seperti strok, serangan jantung atau pembedahan otak.

e

Penyingkiran had sekali seumur hidup untuk Pemindahan Organ di bawah Medic TotalCare.

f

Penyingkiran had tahunan untuk Komplikasi Kehamilan dan Rawatan Kecemasan Pesakit Luar untuk Kecederaan Akibat Kemalangan di bawah Medic TotalCare.

g

Ganjaran Kesihatan Tanpa Tuntutan sebanyak RM 500**

Dapatkan ganjaran untuk kekal sihat! Jika tiada tuntutan untuk satu keseluruhan tahun sebelumnya, dapatkan bayaran balik untuk item penjagaan pencegahan seperti berikut:

- Vaksinasi
- Ujian Diagnostik
- Pemeriksaan Kesihatan
- Langganan Program - di bawah platform digital yang diiktiraf oleh PruBSN, jika ada

***Hanya terpakai untuk Pelan 300 dan Pelan 400.*

JADUAL MANFAAT: MEDIC TOTALCARE & MEDIC BOOSTCARE

| Manfaat & Jenis Pelan | Pelan 150 | Pelan 200 | Pelan 250 | Pelan 300 | Pelan 400 |
|---|---|---|---|---|---|
| Had Tahunan | RM 150,000 | RM 200,000 | RM 250,000 | RM 300,000 | RM 400,000 |
| | Dengan Medic BoostCare | | | | |
| | RM 1,150,000 | RM 1,200,000 | RM 1,250,000 | RM 1,300,000 | RM 1,400,000 |
| Had Seumur Hidup | Tiada Had Seumur Hidup | | | | |
| MANFAAT PENJAGAAN PESAKIT DALAM | | | | | |
| Bilik dan Penginapan Hospital Harian | RM 150 <i>(sehingga 150 hari setiap tahun)</i> | RM 200 <i>(sehingga 150 hari setiap tahun)</i> | RM 250 <i>(sehingga 150 hari setiap tahun)</i> | RM 300 <i>(sehingga 150 hari setiap tahun)</i> | RM 400 <i>(sehingga 150 hari setiap tahun)</i> |
| | Dengan Medic BoostCare Tiada had bagi bilangan hari dalam setahun | | | | |
| Unit Rawatan Rapi / Unit Penjagaan Jantung | Seperti yang dicaj <i>(sehingga 150 hari setiap tahun)</i> | | | | |
| | Dengan Medic BoostCare Tiada had bagi bilangan hari dalam setahun | | | | |
| Rawatan dan Prosedur Pembedahan | Seperti yang dicaj | | | | |
| Perkhidmatan dalam Hospital Yang Berkaitan termasuk: <ul style="list-style-type: none"> • Lawatan Pakar di Hospital • Penjagaan Harian • Yuran Ambulans | | | | | |
| MANFAAT PENJAGAAN PESAKIT LUAR | | | | | |
| Pembedahan Harian | Seperti yang dicaj | | | | |
| Penjagaan Jururawat di Rumah | Tidak Berkenaan | Seperti yang dicaj <i>(sehingga 180 hari seumur hidup)</i> | Seperti yang dicaj <i>(sehingga 180 hari seumur hidup)</i> | Seperti yang dicaj <i>(sehingga 180 hari seumur hidup)</i> | Seperti yang dicaj <i>(sehingga 250 hari seumur hidup)</i> |

| Manfaat & Jenis Pelan | Pelan 150 | Pelan 200 | Pelan 250 | Pelan 300 | Pelan 400 |
|---|---|------------------------------------|---|------------------------------------|------------------------------------|
| Rawatan Sebelum Masuk Hospital | Seperti yang dicaj (dalam tempoh 120 hari sejeurus sebelum dimasukkan ke hospital) | | | | |
| Rawatan Selepas Keluar Hospital | Seperti yang dicaj (dalam tempoh 120 hari sejeurus selepas dimasukkan ke hospital) | | | | |
| | Dengan Medic BoostCare (dalam tempoh 365 hari untuk Keadaan Serius atau dalam tempoh 120 hari untuk Keadaan Tidak Serius sejeurus selepas dimasukkan ke hospital) | | | | |
| Rawatan Komplimentari Selepas Keluar Hospital | Tidak Berkenaan | | RM 1,500 setahun (dalam tempoh 120 hari sejeurus selepas dimasukkan ke hospital) | | |
| Rawatan Pesakit Luar Bagi Denggi dan Penyakit Berjangkit <ul style="list-style-type: none"> • Demam Denggi • Campak • Demam Chikungunya • Penyakit Tangan Kaki dan Mulut • Influenza | RM 1,500 setiap hilang upaya | RM 2,000 setiap hilang upaya | RM 2,500 setiap hilang upaya | RM 3,000 setiap hilang upaya | RM 4,000 setiap hilang upaya |
| MANFAAT PENJAGAAN PENYAKIT UTAMA | | | | | |
| Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar | RM 750,000 seumur hidup | RM 1,000,000 seumur hidup | RM 1,250,000 seumur hidup | RM 1,500,000 seumur hidup | RM 2,000,000 seumur hidup |
| | Dengan Medic BoostCare | | | | |
| dan | | | | | |
| Rawatan Kanser Pesakit Luar termasuk Penjagaan Susulan Remisi Kanser | RM 1,500,000 seumur hidup | RM 2,000,000 seumur hidup | RM 2,500,000 seumur hidup | RM 3,000,000 seumur hidup | RM 4,000,000 seumur hidup |
| Had Tambahan Rawatan Perubatan Teknologi Maju | Tidak Berkenaan | | RM 125,000 seumur hidup | RM 150,000 seumur hidup | RM 200,000 seumur hidup |
| | | | Dengan Medic BoostCare | | |
| | | | RM 250,000 seumur hidup | RM 300,000 seumur hidup | RM 400,000 seumur hidup |

| Manfaat & Jenis Pelan | | Pelan 150 | Pelan 200 | Pelan 250 | Pelan 300 | Pelan 400 |
|---|---|--|--|---|--|--|
| Had Tahunan Tambahan untuk: a. Kanser; b. Serangan Jantung; atau c. Kegagalan Buah Pinggang | | RM 150,000 | RM 200,000 | RM 250,000 | RM 300,000 | RM 400,000 |
| Elaun Rawatan untuk: a. Kemoterapi; b. Radioterapi; c. Dialisis Buah Pinggang; d. Susulan selepas Serangan Jantung | | RM 100 sehari <i>(sehingga RM 1,000 setahun dan RM 10,000 seumur hidup)</i> | RM 100 sehari <i>(sehingga RM 1,000 setahun dan RM 10,000 seumur hidup)</i> | RM 100 sehari <i>(sehingga RM 2,000 setahun dan RM 20,000 seumur hidup)</i> | RM 100 sehari <i>(sehingga RM 2,000 setahun dan RM 20,000 seumur hidup)</i> | RM 100 sehari <i>(sehingga RM 2,000 setahun dan RM 20,000 seumur hidup)</i> |
| Had Tambahan Pemindahan Organ | | Tidak Berkenaan | | RM 100,000 <i>(boleh dituntut sekali seumur hidup)</i> | RM 100,000 <i>(boleh dituntut sekali seumur hidup)</i> | RM 100,000 <i>(boleh dituntut sekali seumur hidup)</i> |
| | | | | Dengan Medic BoostCare (tidak tertakluk kepada had sekali seumur hidup) | | |
| Pendapat Perubatan Kedua | Konsultasi dan Diagnosis dalam Malaysia | Tidak Berkenaan | | RM 500 setahun | RM 1,000 setahun | RM 2,000 setahun |
| | Konsultasi dengan Pakar Bertaraf Dunia | | | Ya | | |
| MANFAAT PENJAGAAN KECEMASAN | | | | | | |
| Rawatan Kecemasan Pesakit Luar bagi Kecederaan akibat Kemalangan | | RM 1,500 setahun | RM 1,500 setahun | RM 2,000 setahun | RM 2,000 setahun | RM3,000 setahun |
| | | Dengan Medic BoostCare Seperti yang dicaj | | | | |
| Bantuan Kecemasan Perubatan Seluruh Dunia | | Ya | | | | |

| Manfaat & Jenis Pelan | Pelan 150 | Pelan 200 | Pelan 250 | Pelan 300 | Pelan 400 |
|--|-----------------------|-----------------------|---|-----------------------|-----------------------|
| MANFAAT PENJAGAAN TAMBAHAN | | | | | |
| Bayaran Balik untuk Vaksinasi: • Vaksinasi Haji / Umrah • COVID-19 • Selesema - Influenza • Hepatitis A • Hepatitis B • Kayap | Tidak Berkeajaan | RM 300 setahun | RM 300 setahun | RM 300 setahun | RM 300 setahun |
| Kanta Intraokular (termasuk kanta multifokal) | RM 6,000 seumur hidup | RM 6,000 seumur hidup | RM 6,000 seumur hidup | RM 7,000 seumur hidup | RM 7,000 seumur hidup |
| Komplikasi Kehamilan | Tidak Berkeajaan | | RM 4,000 setahun | RM 6,000 setahun | RM 10,000 setahun |
| | | | Dengan Medic BoostCare Seperti yang dicaj | | |
| Rawatan Penjagaan Mental | Tidak Berkeajaan | | RM 5,000 setahun | | |
| Elaun Hospital Kerajaan | RM 50 sehari | RM 100 sehari | RM 150 sehari | RM 150 sehari | RM 200 sehari |
| Dengan Medic BoostCare | | | | | |
| GANJARAN KESIHATAN TANPA TUNTUTAN | | | | | |
| Pembayaran balik bagi item Penjagaan Pencegahan yang dilindungi jika tiada tuntutan dibuat pada tahun lampiran sebelumnya. | | | | | |
| Ganjaran Kesihatan Tanpa Tuntutan | Tidak Berkeajaan | | | RM 500 setahun | |

Nota:

- Amaan manfaat yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada pilihan pembayaran perubatan bersama.
- Semua manfaat di atas adalah tertakluk kepada pengecualian, tempoh menunggu dan terma dan syarat lain seperti yang dinyatakan dalam dokumen sijil.
- Tiada had tahunan untuk Had Tambahan Pemandangan Organ, Had Tambahan Rawatan Perubatan Teknologi Maju, Rawatan Kanser Pesakit Luar dan Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar.
- Had Tahunan Tambahan untuk Kanser, Serangan Jantung atau Kegagalan Buah Pinggang akan dikenakan di atas Had Tahunan pelan yang dipilih untuk setiap tahun sehingga tamat tempoh manfaat ini. Peningkatan ini hanya boleh berlaku SEKALI untuk diagnosis pertama Kanser, Serangan Jantung atau Kegagalan Buah Pinggang, yang mana lebih awal.
- Tempoh Menunggu akan bermula:
 - 365 hari bagi Komplikasi Kehamilan dan Bayaran Balik untuk Vaksinasi;
 - 180 hari bagi Rawatan Penjagaan Mental;
 - 120 hari bagi Had Tahunan Tambahan untuk Kanser, Serangan Jantung atau Kegagalan Buah Pinggang, dan Elaun Rawatan untuk Kemoterapi, Radioterapi, Dialisis Buah Pinggang atau Susulan selepas Serangan Jantung dan Penyakit-penyakit lain yang dinyatakan;
 - 30 hari bagi perlindungan untuk semua penyakit lain selain yang dinyatakan di atas.
- Manfaat Komplikasi Kehamilan hanya diguna pakai bagi Orang yang Dilindungi berjantina perempuan dan perlindungan dari umur 18 sehingga umur 45 sahaja.
- Perlindungan seluruh dunia adalah untuk orang dilindungi yang tinggal / membuat perjalanan di luar Malaysia (tinggal di luar negara) tidak lebih daripada 90 hari berturut-turut (bagi Pelan 150, Pelan 200 dan Pelan 250) dan tidak lebih daripada 180 hari berturut-turut (bagi Pelan 300 dan Pelan 400). Bantuan Kecemasan Perubatan Seluruh Dunia ialah perkhidmatan komplementari yang disediakan oleh penyedia pihak ketiga dengan perkhidmatan 24 jam dan boleh ditamatkan dengan memberi notis awal 14 hari kalendar kepada anda.
- Anda layak menerima Bayaran Balik untuk Vaksinasi dengan syarat sijil anda mesti berkuat kuasa dan bayaran sumbangan anda adalah terkini pada tarikh permohonan manfaat ini dituntut.
- Rujuk senarai Keadaan Serius yang dinyatakan dalam dokumen sijil.

LANGKAH MUDAH MEMILIH PELAN PERUBATAN BERSESUAIAN DENGAN ANDA

Pemilihan pelan perubatan yang betul dengan bajet yang anda inginkan adalah penting, terutamanya dengan kos penjagaan kesihatan yang semakin meningkat.

Langkah 1

Memilih Pilihan Bilik dan Penginapan

Pelan 150

atau

Pelan 200

atau

Pelan 250

atau

Pelan 300

atau

Pelan 400

Langkah 2

Memilih Pilihan Bayaran Bersama

SmartSaver300
atau SmartSaver1000

atau

High Deductible
10,000 atau High
Deductible 50,000

atau

Perlindungan
Penuh

Langkah 3

Memilih Pilihan Sumbangan

Sumbangan Rata:
*Sumbangan akan kekal rata
sepanjang tempoh*

atau

Sumbangan Bertingkat:
*Sumbangan akan berubah
setiap 3 tahun*



MEMAHAMI PILIHAN BAYARAN BERSAMA

SmartSaver

SmartSaver adalah cara lebih bijak untuk memaksimumkan nilai pelan perubatan anda yang memberikan anda fleksibiliti untuk menikmati penjimatan sumbangan di mana penjimatan ini boleh digunakan untuk meningkatkan tahap perlindungan dan dana persaraan anda. Anda boleh memperolehi lebih simpanan, lebih perlindungan dan lebih manfaat dengan SmartSaver berbanding Perlindungan Penuh.

Jika anda memilih SmartSaver300 atau SmartSaver1000, anda perlu membayar terlebih dahulu amaun tetap masing-masing sebanyak RM 300 atau RM 1,000 daripada jumlah kos yang ditanggung untuk manfaat yang layak bagi setiap hilang upaya sebelum PruBSN membayar baki perbelanjaan. Ini tidak termasuk item berikut:

1. Bilik dan Penginapan Hospital
2. Pembedahan Harian
3. Rawatan Pesakit Luar bagi Denggi dan Penyakit Berjangkit
4. Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar
5. Rawatan Kanser Pesakit Luar
6. Elaun Rawatan
7. Had Tambahan Pemindahan Organ
8. Pendapatan Perubatan Kedua
9. Rawatan Kecemasan Pesakit Luar untuk Kecederaan Akibat Kemalangan
10. Bantuan Kecemasan Perubatan Seluruh Dunia
11. Bayaran Balik untuk Vaksinasi
12. Kanta Intraokular
13. Elaun Hospital Kerajaan
14. Ganjaran Kesihatan Tanpa Tuntutan

High Deductible

Jika anda sudah mempunyai perlindungan perubatan sedia ada sama ada pelan perubatan persendirian yang lama atau manfaat pekerja dan di samping itu anda mahukan perlindungan perubatan tambahan, anda mungkin boleh mempertimbangkan pilihan bayaran bersama High Deductible. Jika anda memilih High Deductible 10,000 atau 50,000, anda perlu membayar terlebih dahulu amaun tetap yang bersamaan dengan deduktibel yang dipilih daripada jumlah terkumpul bagi manfaat yang layak pada tahun tersebut, sebelum PruBSN membayar perbelanjaan yang selebihnya. Jumlah terkumpul bagi manfaat yang layak pada tahun tersebut tidak akan dibawa ke tahun seterusnya.

Jika anda telah mempunyai pelan perubatan dengan had tahunan bersamaan dengan (atau lebih tinggi daripada) jumlah deduktibel, perbelanjaan yang layak yang melebihi nilai High Deductible yang dipilih akan dilindungi oleh Medic TotalCare. High Deductible terpakai untuk Manfaat Penjagaan Pesakit Dalam, Manfaat Penjagaan Pesakit Luar, Manfaat Penjagaan Penyakit Utama, Manfaat Penjagaan Kecemasan dan Manfaat Penjagaan Tambahan kecuali Pendapatan Perubatan Kedua, Bantuan Kecemasan Perubatan Seluruh Dunia, Bayaran Balik untuk Vaksinasi dan Ganjaran Kesihatan Tanpa Tuntutan.



Perlindungan Penuh

Kami akan membayar jumlah Caj-caj Lazim dan Munasabah daripada manfaat yang layak untuk sebarang hilang upaya.

CONTOH JADUAL SUMBANGAN TAHUNAN UNTUK MEDIC TOTALCARE

Untuk Pelan 200 dengan SmartSaver300, umur tamat tempoh 70 dan kelas pekerjaan 1 & 2.

| Umur Kemasukan | Medic TotalCare Sumbangan Rata | Medic TotalCare Sumbangan Bertingkat |
|----------------|--------------------------------|--------------------------------------|
| 1 | RM 3,360 | RM 2,784 |
| 5 | RM 1,512 | RM 1,248 |
| 20 | RM 1,848 | RM 1,524 |
| 25 | RM 1,944 | RM 1,320 |
| 30 | RM 2,064 | RM 1,404 |
| 40 | RM 2,640 | RM 1,848 |
| 50 | RM 3,636 | RM 2,988 |

Sumbangan Medic TotalCare anda adalah tidak dijamin tanpa mengira pilihan sumbangan yang dipilih (sama ada bertingkat atau rata). Kami boleh menyemak semula sumbangan dan penolakan Tabarru` disebabkan keadaan tidak memuaskan seperti inflasi kos perubatan dan penggunaan perkhidmatan perubatan yang tinggi dengan memberikan notis bertulis 30 hari kepada anda. Untuk maklumat lengkap mengenai kadar sumbangan Medic TotalCare serta kombinasi pelan yang lain, umur tamat tempoh dan pilihan pelan, sila rujuk ke www.prubsn.com.my.



UBAH SUAI PERLINDUNGAN ANDA

Lengkapkan perlindungan anda dengan pelbagai manfaat tambahan yang tersedia di bawah PruBSN AnugerahMax

| | |
|--------------------------|---|
| Penyakit Kritikal | <p>Memberikan ketenangan fikiran apabila anda memiliki perlindungan penyakit kritikal komprehensif daripada Tahap Awal hingga Tahap Akhir serta keadaan istimewa tambahan lain dengan sejumlah 166 keadaan yang dilindungi:</p> <ul style="list-style-type: none">• Crisis TotalCare <p>Tenangkan fikiran anda dan fokus kepada pemulihan apabila anda menerima satu jumlah sekaligus setelah anda didiagnos dengan mana-mana satu daripada 43 penyakit kritikal sekiranya anda memiliki:</p> <ul style="list-style-type: none">• Crisis Protector • Crisis Shield <p>Anda akan menerima satu jumlah sekaligus setelah anda didiagnos menghidap kanser peringkat awal dan kanser sekiranya anda memiliki:</p> <ul style="list-style-type: none">• Cancer Protector |
| Perubatan | <p>Dapatkan perlindungan menyeluruh dengan pakej perubatan moden yang merangkumi perubatan teknologi maju dan rawatan kesihatan mental sekiranya anda memiliki:</p> <ul style="list-style-type: none">• Medic TotalCare <p>Tingkatkan perlindungan perubatan anda dengan melampirkan rider Medic BoostCare untuk menikmati faedah tambahan dan dapatkan ganjaran untuk kekal sihat dengan Ganjaran Kesihatan Tanpa Tuntutan**.</p> <p><small>**Hanya terpakai untuk Pelan 300 dan Pelan 400.</small></p> |
| Kemalangan | <p>Dapatkan perlindungan kematian dan TPD akibat kemalangan:</p> <ul style="list-style-type: none">• Accidental Protector Plus - menyediakan manfaat sekaligus• Accidental Medical Protector - menyediakan pembayaran balik kos perubatan |
| Pendapatan | <p>Jumlah perlindungan tahunan (pendapatan) akan dibayar setelah anda didiagnos menghidap penyakit kritikal atau TPD sekiranya anda berumur di dalam lingkungan 70 tahun dan ke bawah sekiranya anda memiliki:</p> <ul style="list-style-type: none">• Income Protector <p>Anda akan menerima bayaran pada tarikh ulang tahun tuntutan sehingga umur tamat tempoh atau kematian, yang mana lebih awal.</p> |
| Legasi | <p>Memastikan anak anda terpelihara sekiranya berlaku perkara yang tidak diduga kepada anda sekiranya anda memiliki:</p> <ul style="list-style-type: none">• Parent Term |

Contributor

Membantu anda membayar sumbangan anda sekiranya berlaku kematian (jika berkaitan), TPD atau penyakit kritikal kepada anda atau ahli keluarga yang dilindungi sekiranya anda memiliki:

- **Contributor Protect**
- **Contributor Saver**
- **Contributor Parent Protect**
- **Contributor Parent Saver**
- **Contributor Spouse Protect**
- **Contributor Spouse Saver**

Jika lebih daripada satu manfaat Contributor berlaku pada masa yang sama, Dana *Tabarru'* bukan sahaja akan membantu anda dengan bayaran sumbangan sijil, malah satu jumlah yang sama dengan Jumlah Perlindungan bagi manfaat Contributor yang terlibat akan diperuntukkan sebanyak 100% ke dalam Akaun Unit Pelaburan (IUA) sijil, yang memberikan lebih banyak dana untuk anda.

Simpanan dan Pelaburan

Pupuk amalan menyimpan secara tetap apabila anda mempunyai **Takaful Saver** yang dapat memberikan anda potensi pulangan dan peningkatan nilai tunai. Sumbangan anda akan dilaburkan ke dalam dana-dana berkaitan pelaburan patuh Syariah yang anda pilih. Untuk maklumat lanjut mengenai Helaian Fakta Dana dan prestasi masa lalu dana, anda boleh rujuk di www.prubsn.com.my.

Derma melalui Ihsan

Membolehkan anda membantu golongan yang memerlukan melalui inisiatif PruBSN Microtakaful Jariah kami apabila anda menambahkan **Ihsan** di dalam pelan anda. PruBSN Microtakaful Jariah adalah salah satu inisiatif PruBSN yang menyediakan perlindungan takaful kepada keluarga miskin dan miskin tegar yang layak.

CIRI-CIRI PRODUK UTAMA

Manfaat Kematian

Sekiranya berlaku kematian sebelum tamat tempoh perlindungan, kami akan membayar mana-mana yang lebih tinggi:

- **Jumlah Perlindungan Asas; atau**
 - **Jumlah amaun dalam Akaun Khas Individu (ISA);**
ditambah nilai unit di dalam Akaun Unit Pelaburan (IUA) jika ada.
- Jumlah Perlindungan Asas Minimum: RM10,000.*
Jumlah Perlindungan Asas Maksimum: Tertakluk kepada pengunderaitan.

Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD)

Sekiranya berlaku TPD, kami akan membayar Jumlah Risiko.

Nota: Jumlah Risiko adalah amaun di mana jumlah perlindungan asas melebihi baki ISA anda. Sekiranya tiada lebihan daripada jumlah perlindungan yang melebihi baki ISA anda, jumlah risiko adalah sifar. Perlindungan TPD adalah sehingga umur 70 tahun.

Bonus EduAchieve

Bonus tunai akan dibayar di atas kecemerlangan akademik dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sehingga peringkat Sarjana atau PhD.

Bonus EduAchieve hanya untuk orang yang dilindungi yang menyertai pelan di antara umur 1 hingga 18 tahun.

Umur Kemasukan

1 hingga 70 tahun pada hari jadi akan datang.

Tempoh Perlindungan

Pilih untuk dilindungi selama 5, 10, 20 tahun atau sehingga umur 70, 80, 90 atau 100 tahun.

Pelanjutan perlindungan automatik sehingga umur 100 tahun hanya terpakai jika tempoh perlindungan yang dipilih adalah 20 tahun atau sehingga umur 70, 80 atau 90 tahun.

Pelanjutan perlindungan automatik tidak terpakai untuk rider Crisis TotalCare.

Nota: Untuk tempoh perlindungan 10 tahun atau sehingga umur 70, umur kemasukan maksimum adalah 60 tahun. Untuk tempoh perlindungan 20 tahun, umur kemasukan maksimum adalah 50 tahun.

Sumbangan

Sumbangan adalah bergantung pada pilihan jumlah perlindungan asas, manfaat pilihan, tempoh manfaat dan kekerapan sumbangan (bulanan, suku tahun, setengah tahun atau tahunan). Kadar sumbangan akan berbeza mengikut umur kemasukan, jantina, status merokok, kelas pekerjaan, umur tamat tempoh dan keadaan kesihatan (jika berkenaan).

CAJ-CAJ DAN POTONGAN

Peruntukan Sumbangan

Bagi **Medic TotalCare** dengan pilihan sumbangan bertingkat, sumbangan rider perubatan akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Medic Protection dan Medic Allocator, berdasarkan nisbah 80:20, dan diperuntukkan ke dalam Akaun Khas Individu (ISA) selepas ditolak dengan Caj *Wakalah* Pendahuluan. Kedua-dua bahagian adalah tertakluk kepada Caj *Wakalah* Pendahuluan yang berbeza, seperti yang dinyatakan di bahagian di bawah. Bagi **Medic TotalCare** dengan pilihan sumbangan rata, sumbangan rider perubatan akan diperuntukkan sepenuhnya mengikut bahagian Medic Protection.

Caj *Wakalah* Pendahuluan

Caj ini membolehkan kami membayar komisen dan perbelanjaan berkaitan pengagihan serta perbelanjaan pengurusan. Peratusan yang ditunjukkan di bawah adalah berdasarkan sumbangan yang dibayar dan untuk tempoh sumbangan 20 tahun dan ke atas. Bagi tempoh kurang daripada 20 tahun, sila rujuk kepada Ilustrasi Produk.

| Tahun Sijil | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | >10 |
|--|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|
| PruBSN AnugerahMax & Manfaat Tambahan Lain | 75% | 60% | 40% | 35% | 20% | 20% | 10% | 10% | 10% | 10% | 0% |
| Takaful Saver | 5% | | | | | | | | | | |

*Caj *Wakalah* Pendahuluan ini tidak terpakai untuk Medic TotalCare dengan Sumbangan Bertingkat, Ihsan dan Takaful Saver.

Bagi rider Medic TotalCare dengan pilihan Sumbangan Bertingkat, Caj *Wakalah* Pendahuluan adalah dikira berdasarkan peratusan daripada sumbangan yang dibayar seperti berikut:

| Tahun Sijil | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | >10 |
|------------------|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|
| Medic Protection | 75% | 60% | 40% | 35% | 20% | 20% | 10% | 10% | 10% | 10% | 0% |
| Medic Allocator | 5% | | | | | | | | | | |

Caj Sijil Wakalah

Caj *Wakalah* akan berbeza mengikut kaedah pembayaran sumbangan:

| Kekerapan | Kaedah Pembayaran Berulang | Kaedah Pembayaran Tidak Berulang (Contoh: Tunai/Cek) |
|----------------|----------------------------|--|
| Sebulan | RM7 | RM13 |
| Suku tahunan | RM21 | RM39 |
| Setengah tahun | RM42 | RM78 |
| Setahun | RM84 | RM156 |

Penolakan *Tabarru`*

Penolakan *Tabarru`* dipotong setiap bulan daripada ISA anda ke dalam Dana *Tabarru`* untuk perlindungan takaful anda. Penolakan *Tabarru`* untuk perlindungan takaful adalah berbeza mengikut umur pada hari jadi akan datang, jantina, status merokok, kelas pekerjaan, pengkadaran perubatan, dan jumlah risiko (yang mana berkenaan). Penolakan *Tabarru`* akan meningkat secara umumnya apabila umur anda meningkat.

Penolakan *Tabarru`* merujuk kepada sumbangan sukarela oleh peserta mengikut aturan *Ta`awun*. Ini berkaitan dengan bahagian sumbangan peserta dalam Dana *Tabarru`* semasa tempoh perlindungan. Penolakan *Tabarru`* daripada peserta ditempatkan dan dikumpulkan dalam dana yang dimiliki secara kolektif oleh peserta. Dana ini digunakan untuk membayar semua tuntutan sesuai dengan manfaat yang dipersetujui di bawah pelan berdasarkan bantuan dan pertolongan bersama. Kami boleh menyemak semula penolakan *Tabarru`* pada bila-bila masa tertakluk kepada pemberitahuan kepada peserta.

Caj-caj ini hanya tertakluk jika anda menambah Takaful Saver.

Caj *Wakalah* Pengurusan Aset

Caj ini dikenakan pada dasar harian daripada nilai akaun IUA anda. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk pada Helaian Fakta Dana.

Caj *Wakalah* Penambahan Sumbangan Tunggal

Terdapat caj 5% ke atas setiap penambahan sumbangan tunggal. Di samping itu, terdapat juga caj tambahan sebanyak RM25 untuk setiap penambahan.

Caj *Wakalah* Penukaran Dana

Terdapat empat kali tukar ganti percuma untuk IUA setiap tahun. Untuk sebarang tukar ganti seterusnya dalam tempoh setahun, caj tukar ganti telah ditetapkan pada 1% daripada jumlah yang ditukar ganti (tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM50).

Caj *Wakalah* Pengeluaran Separa

RM25 akan dikenakan untuk setiap permohonan.

Nota: Caj Wakalah Pengeluaran Separa, Caj Wakalah Penukaran Dana dan caj tambahan untuk Penambahan Sumbangan Tunggal kini dikecualikan sehingga transaksi elektronik tersedia. Selepas itu, permohonan secara manual melalui cawangan akan tertakluk kepada bayaran yang dinyatakan.

NOTA-NOTA PENTING

1. Risalah ini hanya untuk tujuan ilustrasi dan maklumatnya tidak lengkap. Ia tidak mengikat sebarang kontrak di antara anda dan Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN). Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pelan ini dan manfaat tambahannya, sila rujuk kepada Ilustrasi Produk, Lampiran Keterangan Produk, Helaian Fakta Dana, sebelum menyertai pelan ini dan sila rujuk kepada terma dan syarat di dalam dokumen sijil untuk maklumat lanjut mengenai ciri-ciri penting pelan ini.
2. **PruBSN Damai** adalah pakej penyelesaian perubatan yang berdasarkan pada **PruBSN AnugerahMax**. Sila ambil perhatian bahawa pakej yang terkandung di sini terdiri daripada komponen yang boleh disertai secara berasingan dan anda tidak diwajibkan untuk memilih semua komponen pakej ini.
3. Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini mampu memenuhi keperluan anda dan anda mampu untuk membayar jumlah sumbangan.
4. Pulangan daripada ISA dan IUA anda (jika berkaitan), jika ada, akan berdasarkan pada prestasi sebenar dana-dana dan ianya tidak dijamin.
5. Risiko pelaburan adalah ditanggung sepenuhnya oleh anda dan manfaatnya mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang telah anda bayar.
6. **PruBSN AnugerahMax** adalah berdasarkan pertolongan secara bersama (*Ta`awun*) di mana sebahagian daripada sumbangan anda ditolak dan dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru`* bersama dengan sumbangan peserta-peserta yang lain untuk memberikan manfaat kewangan bersama yang boleh dibayar kepada semua peserta takaful yang layak. Berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, PruBSN akan menguruskan pelan takaful anda sebagai pulangan untuk caj-caj *Wakalah* yang tersenarai di atas.
7. Sebagai tambahan, konsep *Mudarabah* yang terpakai membolehkan mana-mana keuntungan pelaburan hasil daripada ISA dikongsi antara PruBSN dan anda. Anda akan menerima 80% daripada keuntungan pelaburan, sementara PruBSN akan menerima bakinya sebanyak 20%. Bahagian keuntungan anda akan dimasukkan semula ke ISA anda. Jika terdapat kerugian pelaburan daripada ISA, selaras dengan konsep *Mudarabah*, kerugian akan ditanggung oleh anda dengan syarat kerugian tersebut tidak disebabkan oleh salah urus atau kecuaiian Kami.
8. Anda berhak menerima sebarang agihan lebihan daripada Dana *Tabarru`* termasuk keuntungan pelaburan (jika ada). Bersama-sama dengan peserta lain, anda berhak menerima 50% daripada lebihan tersebut dan PruBSN akan menerima baki 50% sebagai yuran prestasi untuk menguruskan Dana *Tabarru`*. Bahagian lebihan agihan anda akan dimasukkan semula dalam ISA anda. Amaun agihan lebihan sebenar akan ditetapkan setiap tahun dan tertakluk kepada kelulusan oleh Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.
9. Rider-rider Contributor akan membantu dalam pembayaran jumlah sumbangan apabila berlaku kematian, TPD atau penyakit kritikal ke atas diri anda atau ahli keluarga anda, jika berkenaan semasa tempoh bayaran sumbangan sijil dan jumlah manfaat adalah seperti yang dinyatakan dalam dokumen sijil takaful. Sekiranya sumbangan atau caj semakan menjejaskan jumlah sumbangan pada masa akan datang, anda dikehendaki membayar tambahan sumbangan penambahan bagi memastikan nilai ISA dan IUA kekal mampan sepanjang tempoh sijil.
10. Terdapat tempoh rujukan percuma selama 15 hari selepas penghantaran sijil anda untuk membolehkan anda mengkaji sama ada ia memenuhi keperluan anda. Sekiranya sijil ini dibatalkan dalam tempoh ini, kami akan memulangkan baki amaun dalam ISA, nilai unit IUA (jika ada) yang telah diperuntukkan kepada nilai unit pada tarikh penilaian berikutnya, sumbangan Ihsan dan sebarang Caj *Wakalah* Sijil, penolakan *Tabarru`*, dan caj *Wakalah* pendahuluan yang telah kami tolak, ditolak perbelanjaan perubatan yang mungkin telah kami bayar atau bersetuju untuk bayar.
11. Jika anda membatalkan sijil pada tahun-tahun awal, anda mungkin tidak akan memperoleh nilai sepenuhnya daripada jumlah yang telah dibayar kepada PruBSN. Jika anda menyerahkan sijil, kesemua manfaat di dalam sijil akan ditamatkan.

12. Jika anda berhenti membayar atau tertinggal membayar sumbangan, perlindungan anda mungkin ditamatkan sebelum tamat tempoh. Sijil anda akan tamat sekiranya amaun ISA dan / atau IUA anda tidak mencukupi untuk membayar Penolakan *Tabarru`* dan caj-caj lain.
13. **PruBSN AnugerahMax** tidak menyediakan manfaat daripada Dana *Tabarru`* pada penamatan, tamat tempoh atau kematangan sijil.
14. Sumbangan dan kadar *Tabarru`* dan caj-caj lain adalah tidak dijamin. PruBSN boleh menyemak semula sumbangan, kadar *Tabarru`* dan / atau caj lain dengan memberi notis bertulis 90 hari (atau 30 hari untuk manfaat perubatan dan penyakit kritikal) kepada pemilik sijil. Sekiranya terdapat kenaikan kadar *Tabarru`*, anda perlu membayar sumbangan tambahan atau penambahan. Sumbangan untuk pelan ini perlu dibayar sepanjang tempoh sijil ini.
15. Jika anda menukar pelan perubatan semasa anda dengan yang lain atau daripada satu pembekal yang lain, anda mungkin tertakluk kepada keperluan pengunderaitan baharu dan tempoh menunggu untuk pelan baharu.
16. Sebarang rujukan kepada umur adalah berdasarkan Umur pada Hari Jadi Akan Datang.
17. Untuk **PruBSN AnugerahMax** anda boleh menuntut pelepasan cukai insurans yang berkaitan, tertakluk kepada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
18. Sekiranya terdapat percanggahan atau ketidakselarasan antara brosur versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia dan untuk tujuan penafsiran dan pembinaan, brosur versi bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Nota: Maklumat lanjut mengenai perlindungan dan manfaat bagi manfaat tambahan boleh didapati di Lampiran Keterangan Produk dan Ilustrasi Produk yang harus dibaca dengan teliti sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai pelan tersebut.

PENGECUALIAN

PruBSN AnugerahMax tidak melindungi sebarang situasi yang berikut:

1. Kematian akibat membunuh diri dalam tahun pertama dari tarikh permulaan sijil atau tarikh penguatkuasaan semula sijil.
2. TPD yang berlaku secara langsung ataupun tidak langsung disebabkan oleh:
 - a. Percubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ke atas diri sendiri semasa waras atau tidak waras;
 - b. Melakukan atau percubaan untuk melakukan kesalahan jenayah oleh orang yang dilindungi.
 - c. Penyalahgunaan dadah atau stimulator, atau komplikasinya;
 - d. Peperangan atau tindakan agresif, termasuk penaklukan, tindakan keganasan negara asing, musuh luar (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, rusuhan, campur tangan ketenteraan atau rampasan kuasa;
 - e. Penglibatan dalam aktiviti sukan profesional, penyelaman skuba, sebarang jenis perlumbaan, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, di atas kapal terbang komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi secara berjadual mengikut laluan biasa, atau sebarang aktiviti atau sukan merbahaya (termasuk penerjunan lelabah, geluncur angin, menaiki belon udara panas, penerjunan payung terjun dan penerjunan udara), melainkan kami memberi persetujuan melalui endorsan khas;
 - f. Sebarang keadaan sedia ada yang tidak didedahkan kepada kami berhubung dengan status kesihatan bagi Orang yang Dilindungi; atau
 - g. Sebarang keadaan kongenital, trauma kelahiran dan komplikasi dari sisanya, bagi sijil atau lampiran yang diluluskan semasa orang yang dilindungi masih berada dalam kandungan.

Medic TotalCare tidak melindungi sebarang situasi yang berikut:

1. Penyakit sedia ada jika penyakit tersebut tidak dinyatakan dalam borang cadangan atau apa jua borang lain yang berkaitan dengan keadaan kesihatan anda selepas sijil ini berkuat kuasa;
2. Penyakit Tertentu yang berlaku dalam tempoh menunggu 120 hari perlindungan (sila rujuk kepada dokumen sijil untuk senarai Penyakit Tertentu);
3. Sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam tempoh menunggu 30 hari kecuali kecederaan akibat kemalangan;
4. Sebarang gigitan serangga termasuk gigitan nyamuk dan serangan cacing dalam tempoh menunggu 30 hari dari tarikh perlindungan atau tarikh penguatkuasaan semula;
5. Sebarang manfaat seperti yang diperuntukkan di bawah Manfaat Komplikasi Kehamilan atau Bayaran Balik Vaksinasi (jika berkenaan) dalam tempoh 365 hari dari tarikh perlindungan, tarikh penguatkuasaan semula atau tarikh pengendorsan;
6. Sebarang manfaat seperti yang diperuntukkan di bawah Manfaat Penjagaan Mental (jika berkenaan) dalam tempoh 180 hari dari tarikh perlindungan, tarikh penguatkuasaan semula atau tarikh pengendorsan;
7. Pembedahan kosmetik, khatan, pemeriksaan mata, cermin mata, lensa, Lasik dan penggunaan alat prostetik dan perubatan;
8. Keadaan pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan mulut kecuali diperlukan kerana kecederaan akibat kemalangan;
9. Pembedahan eksperimen atau prosedur-prosedur elektif disebabkan oleh kecederaan akibat kemalangan, pembedahan atau penyakit;
10. Penjagaan peribadi, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi, pensterilan, AIDS, HIV dan semua penyakit kelamin;
11. Sebarang rawatan atau pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan;
12. Rawatan atau prosedur yang berkaitan dengan kehamilan atau bersalin dan komplikasinya, jagaan pranatal atau postnatal kecuali semua yang dinyatakan dalam dokumen sijil dan keguguran, menggugurkan kandungan, apa-apa kaedah kawalan kelahiran kontraseptif, rawatan berkaitan ketidaksuburan atau disfungsi erektil dan impoten (kecuali manfaat yang diperuntukkan di bawah Komplikasi Kehamilan, jika berkenaan);
13. Pemeriksaan perubatan rutin, kemasukan ke hospital terutamanya untuk tujuan siasatan / pengimejan diagnostik yang tidak berkaitan dengan hilang upaya yang dilindungi atau apa-apa rawatan, ubat atau pemeriksaan yang dianggap tidak perlu dari segi perubatan atau pencegahan secara amnya dan rawatan-rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan seperti *sleeve gastrectomy*;
14. Bunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika waras atau tidak waras;
15. Sebarang kecederaan atau penyakit yang disebabkan oleh sebarang tindakan peperangan, atau sebarang tindakan peperangan atau serangan atau perbuatan permusuhan musuh asing (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara atau pemberontakan atau revolusi atau ketenteraan atau rampasan kuasa atau bergiat aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata;
16. Sebarang aktiviti jenayah atau pengganas;
17. Sebarang pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau untuk menentang penangkapan;
18. Sebarang penyertaan secara langsung dalam rusuhan, mogok dan kekecohan awam atau pemberontakan;
19. Radiasi ion dan pencemaran radioaktif daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear akibat proses ledakan nuklear atau akibat daripada apa-apa bahan senjata nuklear;
20. Perbelanjaan yang ditanggung untuk pendermaan mana-mana bahagian badan atau organ oleh Orang yang Dilindungi dan kos perolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika pemindahan organ dan komplikasinya;
21. Siasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, rawatan untuk perpeluhan yang berlebihan, terapi penggantian hormon, sel induk, terapi oksigen hiperbarik, perundingan dan rawatan penjagaan kaki, khidmat kiropraktik, terapi aroma dan apa-apa rawatan pilihan yang lain (kecuali manfaat yang diperuntukkan di bawah Rawatan Komplementari Selepas Keluar Hospital, jika berkenaan);

22. Penjagaan atau rawatan yang tidak memerlukan bayaran atau kos tersebut akan dibayar oleh mana-mana Pengendali Takaful atau indemniti lain yang dilindungi di bawah Kontrak Takaful Pampasan Pekerja;
23. Psikiatrik, gangguan mental atau saraf dan keadaan yang disebabkan oleh penyakit nyanyuk (kecuali manfaat yang diperuntukkan di bawah Manfaat Penjagaan Mental, jika berkenaan);
24. Perbelanjaan perkhidmatan yang bukan bersifat perubatan termasuk tetapi tidak terhad kepada televisyen, telefon, jalur lebar, bil elektrik, radio atau kit / pek kemasukan;
25. Sakit atau kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan, sukan berbahaya, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau penumpang yang membayar tambang, atau pesawat komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi pada laluan berjadual tetap;
26. Sebarang perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantina;
27. Sebarang penjagaan atau rawatan yang tidak membawa kepada pemulihan, pengekalan keadaan Orang yang Dilindungi atau pengembalian keadaan kesihatan Orang yang Dilindungi sebelumnya; atau
28. Sebarang caj yang tidak dianggap sebagai Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan dan Perlu Dari segi Perubatan.

Pengecualian dan had-had adalah tidak terhad kepada yang tertera di atas dan anda hendaklah merujuk kepada dokumen sijil untuk mendapatkan maklumat lanjut.



APAKAH ITU TAKAFUL?

Suatu perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam

Takaful diambil daripada istilah Arab '*Kafala*' yang membawa erti "**Jaminan bersama**" atau **menjamin antara satu sama lain**.

Secara literal, Takaful bermaksud tanggungjawab, jaminan, dan perjanjian bersama. Secara umum, takaful diasaskan atas pertolongan secara bersama (*Ta`awun*) berdasarkan prinsip persamaan dan perpaduan, merangkumi elemen- elemen pampasan bersama dan kepentingan bersama.

Terdapat tiga (3) aspek persamaan yang terangkum dalam takaful, iaitu pertolongan bersama, tanggungjawab bersama, dan perlindungan bersama.

Apabila seseorang terlibat dalam skim takaful, dia bukan sahaja mencari perlindungan untuk dirinya, malah bekerjasama dengan peserta-peserta lain untuk sama-sama menyumbang antara satu sama lain ketika memerlukan.

PERTOLONGAN BERSAMA

**PERLINDUNGAN BERSAMA
DARIPADA KERUGIAN**

TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Secara intipatinya, takaful adalah berasaskan prinsip "***Ta`awun***" (**kerjasama/pertolongan bersama**) di mana penglibatan penyertaannya adalah ***Tabarru`at*** (kebajikan).

Pelan ini ditaja jamin oleh:

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

PruBSN Damai adalah produk yang berdasarkan Syariah.
PruBSN Damai adalah pakej perlindungan yang berdasarkan pada PruBSN AnugerahMax.


Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat / pertanyaan lanjut, sila hubungi:

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

No. Syarikat 200601020898 (740651-H)

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

 03 2775 7188

 customer@prubsn.com.my



SMS **PruBSN** dan hantarkan ke **33080**



www.facebook.com/prubsn



www.instagram.com/prubsn_official



www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad

Penting: Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah produk ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.

Semua maklumat adalah betul semasa penerbitan. Diterbitkan Julai 2024.